

## Norazlina Abd Jalil

---

**From:** Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>  
**Sent:** Wednesday, 13 May, 2020 12:53 PM  
**To:** norazlinaabdjilil@gmail.com  
**Subject:** FW: Pelajar Antarabangsa Selamat Pulang Ke Negara Masing-Masing

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** 27 April 2020 11:42  
**To:** UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>  
**Subject:** Pelajar Antarabangsa Selamat Pulang Ke Negara Masing-Masing



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

27 APRIL 2020 / 4 RAMADAN 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Nurul Sahadar Che Nuh  
Gambar oleh: Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan CIAC

### PELAJAR ANTARABANGSA SELAMAT PULANG KE NEGARA MASING-MASING



**UUM ONLINE:** Seramai 15 pelajar UUM warga Iraq telah selamat berlepas pulang ke negara mereka menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Pelajar tersebut bertolak dari UUM pada jam 11 malam kelmarin dengan diiringi pegawai Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar, HEP, M Shahadat Ali Nordin sebelum menaiki pesawat pada jam 12 tengah hari.

Sebelum itu, Pengarah Pusat Penginapan Pelajar (SAC), Roslina Abdullah bersama pegawai terlibat juga telah mendapatkan kebenaran bagi pelepasan pelajar untuk rentas negeri daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah.

Kesemua pelajar itu melalui tapisan kesihatan di UUM terlebih dahulu, diikuti di KLIA sebelum dibenarkan memasuki pesawat untuk berlepas balik ke negara mereka.

Pergerakan pulang semua pelajar terbabit telah diuruskan Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), SAC dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, malah mereka turut diberikan penerangan oleh Dekan HEP, Dr. Massudi Mahmuddin sebelum bergerak pulang ke kampung halaman masing-masing.

Terdahulu, 88 pelajar antarabangsa terdiri warga Indonesia (79), Pakistan (5) dan Thailand (4) telah dihantar pulang ke negara mereka.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.